



• HAJI YA'ACOB

Dikatakan undur diri atas sebab-sebab kesihatan.

Hj Ya'acob letak jawatan Presiden 12 OCT 1986 Persisi

HAJI Ya'acob Mohamed telah meletakkan jawatannya sebagai Presiden Persatuan Pencak Silat Singapura (Persisi) setelah memimpin pertubuhan itu kira-kira sepuluh tahun lamanya.

Surat perletakannya itu telahpun dikirimkan kepada pertubuhan tersebut pada minggu ketiga bulan lalu.

Perletakan jawatan itu telah diterima oleh jawatankuasa Persisi dalam mesyuaratnya pada 7 Oktober lalu dan kini jawatan tersebut dipangku oleh Naib Presiden Persisi, En-cik Rahim Dayan.

Tidak segera diketahui sebab-sebab perletakan jawatan Haji Ya'acob yang juga Presiden Persatuan Sepaktakraw Singapura (Persep) dan bekas Duta Besar Singapura ke Mesir.

Tetapi menurut Setiausaha Persisi, Haji Johari Urif, beliau menarik diri atas sebab-sebab kesihatan.

Haji Ya'acob semasa ditemui di katil Hospital Besar Singapura (SGH) kerana sakit jantung mengesahkan perletakan jawatan itu.

"Saya lebih suka melihat Persisi ditadbirkan dengan baik dan licin," katanya.